

MELESTARIKAN BUDAYA MELANCONG DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH DI MALAYSIA

SHIDA IRWANA OMAR, NURBAIDURA SALIM & BADARUDDIN MOHAMED

ABSTRAK

Pelancongan pelajar merupakan antara segmen pelancongan yang paling cepat berkembang di Malaysia. Walaupun tidak ramai golongan pelajar yang melancong ke luar negara, namun mereka merupakan golongan yang aktif sebagai pelancong domestik dan pengunjung harian. Makalah ini membincangkan potensi dan halangan yang dihadapi oleh sektor pelancongan negara dalam membangunkan segmen pelancongan pelajar di Malaysia. Data-data kajian diperoleh daripada kaji selidik di 77 buah sekolah terpilih di seluruh Malaysia yang melibatkan 1,157 orang pelajar yang berusia antara 14 hingga 20 tahun sebagai sampel kajian. Kaji selidik ini bertujuan untuk mengenal pasti keperluan dan kehendak pelancong pelajar terhadap aspek pemilihan destinasi, sumber kewangan, tempat penginapan, motivasi melancong dan halangan untuk melancong. Dengan menggunakan teknik convenience sampling, borang soal selidik telah diedarkan kepada para pelajar dengan bantuan pengetua dan guru-guru. Borang soal selidik yang lengkap diisi telah dikembalikan semula oleh pihak sekolah kepada penyelidik menerusi khidmat pos. Hasil kajian mendapati bahawa majoriti responden melancong untuk tujuan percutian dan rekreasi, ber bajet rendah dan menerima bantuan kewangan daripada ibu bapa. Berdasarkan analisis penjadualan silang, responden didapati cenderung untuk memilih destinasi luar negara sebagai pilihan utama di samping masih ingin melancong di dalam negara. Hasil kajian ini memberi implikasi positif kepada penggubal dasar, perancang pelancongan dan operator perkhidmatan khususnya dalam merangka prasarana dan produk yang dapat memenuhi keperluan pelancong muda.

Kata Kunci: *Pelancongan Pelajar, Budaya Melancong, Pelancong Muda, Malaysia*

ABSTRACT

Youth tourism is among the fastest growing travel market segments in Malaysia. Even though not many Malaysian students travel abroad, they are certainly active domestic travelers and excursionists. This article discusses the potentials and challenges in developing the Malaysian student travel segment. The result was drawn from questionnaire survey of 1,157 samples of high school students aged between 14 to 20 years old from 77 selected schools throughout the country. This study attempts to identify the specific needs and preferences of young tourists on

selection of destinations, finance, accommodation, travel motivations and travel barriers. The findings revealed that majority of Malaysian young tourists are more likely to travel for recreational purposes, with low budget expenditure and received financial support from their parents. Student travel patterns derived from cross tabulation analysis indicate that most of the respondents tend to choose overseas destinations as a preference future destinations as well as local destinations. This study provides positive implications for policy makers, planners and service operators particularly in tourism sector and education to prepare better facilities and products that best suit the demands of student market.

Keywords: *Student Tourism, Travel Culture, Young Tourist, Malaysia*

PENGENALAN

Pelancongan dalam kalangan pelajar sekolah telah dikenal pasti sebagai salah satu segmen pelancongan domestik yang berpotensi. Pelancongan pelajar memainkan peranan penting dalam mempengaruhi keputusan melancong golongan dewasa pada masa hadapan. Berdasarkan statistik Kementerian Pelajaran pada tahun 2005, sebanyak 2017 sekolah menengah dan 7,549 buah sekolah rendah telah menganjurkan kegiatan lawatan pelajar ke seluruh negara. Perangkaan ini melibatkan seramai 1.95 juta pelajar sekolah menengah dan 2.78 juta murid sekolah rendah. Dengan pertumbuhan pesat ekonomi domestik dan perkembangan sektor pelancongan negara hari ini, pastinya bilangan lawatan pelajar terus meningkat dengan signifikan.

Pelancongan berasaskan pendidikan memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan pasaran pelancongan (Gibson; Holdnak dan Holland dalam Ankomah & Larson 2004). Kegiatan lawatan sambil belajar adalah contoh pendidikan tidak formal yang dapat memberikan impak positif terhadap pengalaman pembelajaran pelajar (Mat Som & Furqan 2010). Pasaran pelancong pelajar di Malaysia berkembang pesat selaras dengan program galakan melancong yang diselia oleh pihak kementerian dan badan-badan tertentu seperti Program Pelancongan Pelajar (3P) (Kementerian Pelancongan), Program Latihan Khidmat Negara (Kementerian Pertahanan) dan Program Rakan Muda (Kementerian Belia dan Sukan). Program-program pelancongan seperti Tahun Melawat Malaysia, Cuti-Cuti 1Malaysia, Program *Homestay*, Tahun Melawat Negeri, festival kesenian dan cuti hujung minggu menjadi pemangkin pertumbuhan segmen ini. Kajian oleh *Tourism Research Circle* (2006) menganggarkan bahawa secara puratanya golongan pelajar melakukan antara 1-3 kali perjalanan pada setiap tahun. Memandangkan terdapat kira-kira 5 juta pelajar di negara ini, angka perjalanan ini seharusnya perlu diberi perhatian.

Sungguhpun pasaran pelancong pelajar ini diakui mampu membawa pulangan positif kepada sektor pelancongan negara, namun masih terdapat kekurangan dalam menyokong pertumbuhan segmen ini. Tinjauan awal mendapati terdapat pengusaha di sektor penawaran pelancongan masih keberatan dan kurang memberi tumpuan terhadap keperluan golongan ini. Segmen pelancong pelajar dianggap mempunyai nilai pasaran yang rendah bagi sesetengah pihak. Antara isu-isu yang perlu diberi perhatian adalah penyediaan infrastruktur, infostruktur dan produk yang bersesuaian dengan keperluan dan karakter pelajar serta penawaran pakej percutian yang berpatutan dengan kedudukan dan tahap keupayaan ekonomi mereka. Sehingga kini, data yang berguna serta kajian yang menyeluruh terhadap keperluan dan kehendak golongan pelajar ketika melancong masih lagi berada di tahap yang minima. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti potensi dan cabaran yang dihadapi oleh sektor pelancongan dalam membangunkan segmen pelancongan pelajar di Malaysia dengan memberi fokus kepada mengenal pasti profil demografi dan karakter pelancong pelajar di samping faktor tarikan dan halangan yang mempengaruhi mereka untuk keluar melancong.

Siapa Pelancong Pelajar?

Istilah pelancong pelajar sering kali merujuk kepada golongan belia yang masih bersekolah dan telah pergi melancong ke destinasi di luar lingkungan kawasan tempat tinggal mereka dengan pelbagai tujuan. Pertubuhan Pelancongan Sedunia (UNWTO) mendefinisikan pelancong belia sebagai pelancong yang berumur antara 16 hingga 25 tahun yang membuat perjalanan dan menginap sekurang-kurangnya satu malam di sesebuah destinasi. Manakala Aramberri (1991) pula mencadangkan bahawa pelancong belia adalah terdiri daripada golongan pelancong yang berdikari (*independent*), berumur antara 15 hingga 24 tahun dan sering keluar melancong sama ada bersendirian ataupun secara berkumpulan. *The Student and Youth Travel Association of North America (SYTA)* (2004) turut menambah definisi tersebut dengan memasukkan remaja di bawah 16 tahun sebagai belia memandangkan terdapat peningkatan ketara bilangan remaja yang melancong dengan rombongan sekolah, ahli-ahli gereja dan juga pertubuhan-pertubuhan lain.

Richards dan Wilson (2003) mendapati wujud peningkatan terhadap kepentingan akademik dalam beberapa aspek pasaran pelancongan pelajar dan belia masa kini. Kepentingan ini lazimnya didorong oleh motivasi-motivasi untuk merehatkan minda, melawat rakan dan saudara-mara, eksplorasi budaya serta meningkatkan pengetahuan semasa. Manakala, Sullivan (2004) merumuskan bahawa pelancong belia selalunya mempunyai identiti sebagai pelancong yang berdikari, tidak mempunyai pelan perjalanan yang berstruktur, berumur antara 15-34 tahun, sering mencari kesempatan untuk melibatkan diri dalam budaya setempat dan mempunyai motivasi untuk memperbaiki diri menerusi melancong. Rumusan

Sullivan mengenai peringkat umur pelancong belia telah disokong oleh Carr (2001, 1999) di mana beliau telah mengkategorikan individu 15 hingga 34 tahun sebagai pelancong muda atau '*young tourist*' di dalam kajian-kajiannya.

Persatuan Gerakan Belia 4B Malaysia pula mengkategorikan keahlian belia persatuan ini kepada dua kumpulan umur iaitu ahli muda dan ahli biasa. Ahli muda merujuk kepada individu yang berumur 12-15 tahun, manakala ahli biasa terdiri daripada individu berumur di antara 16 hingga 40 tahun. Ini menunjukkan bahawa individu di Malaysia yang berumur 12 hingga 40 tahun layak ditakrifkan sebagai belia. Sehingga kini, kebanyakan penyelidik masih belum dapat mencapai kesepakatan dalam menentukan definisi pelancong pelajar. Kajian ini mengambil pendekatan bahawa pelancong pelajar di Malaysia merujuk kepada pelajar sekolah menengah yang berusia 14 hingga 20 tahun.

SEGMENT PELANCONGAN PELAJAR SEKOLAH DI MALAYSIA

Pelancong pelajar cenderung untuk melancong atas tujuan pendidikan. Menurut Mohamed (2000), melancong bukanlah satu tren baru dalam kalangan pelajar sekolah di Jepun kerana kebanyakan daripada mereka akan keluar melancong hampir setiap tahun menerusi lawatan atau aktiviti yang dianjurkan oleh pihak sekolah. Kajian yang dijalankan oleh SYTA (2004) mendapati bahawa pelajar sekolah lebih suka lawatan sambil belajar secara interaktif yang memberi peluang kepada mereka untuk berinteraksi, bersosial dan mempelajari budaya masyarakat setempat serta menikmati pengalaman tentang aspek kebudayaan, kesenian dan sejarah di destinasi yang dilawati. Pelajar yang melancong berupaya untuk menimba lebih banyak kemahiran, pengetahuan dan didedahkan dengan pelbagai perspektif yang berbeza (Mat Som and Furqan 2010).

Menurut Mohamed, Omar dan Lau (2010), golongan pelajar sekolah merupakan sebahagian daripada segmen pelancong belia di Malaysia, di samping pelajar institusi pengajian tinggi dan pelancong pekerja muda. Pelancongan dalam kalangan pelajar sekolah lebih dikenali sebagai 'lawatan sambil belajar' atau 'rombongan sekolah' yang berorientasikan kegiatan kokurikulum seperti kejohanan sukan, perkhemahan, kem motivasi, pertunjukan pancaragam dan aktiviti rekreasi. Lawatan pelajar merupakan antara pemangkin kepada pembangunan kemahiran sendiri pelajar sekolah (Kuh dalam Mat Som dan Furqan 2010).

Memandangkan perjalanan seperti ini mendapat tajaan daripada pihak sekolah, Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG) ataupun Jabatan Pendidikan Negeri, maka perbelanjaan dalam kalangan ahli kumpulan adalah terhad. Kumpulan pelajar ini bergerak dalam saiz sederhana, iaitu antara 11-30 orang, menaiki bas sekolah

ataupun bas persiaran dan disertai oleh guru pengiring. Destinasi lawatan lazimnya ditentukan oleh pengetua atau guru bertanggungjawab, dan pemilihan ini sering kali mencerminkan lokasi pelancongan massa seperti bandar raya metropolitan Kuala Lumpur, kawasan bersejarah UNESCO seperti Melaka dan Pulau Pinang, pusat peranginan seperti Cameron Highlands dan Genting Highlands serta Pulau Langkawi. Manakala, atur cara lawatan pula disusun dengan singkat dan padat. Cuma sedikit waktu diperuntukkan untuk aktiviti bebas seperti membeli-belah. Aktiviti semasa melancong pula lebih menjurus kepada tema akademik seperti muzium, galeri, arkib, tempat bersejarah, zoo, taman pendidikan dan pusat sains.

Kegiatan Lawatan Pelajar Sekolah

Perkembangan dan pembangunan kegiatan lawatan dalam kalangan pelajar sekolah dikawal oleh beberapa dasar umum, khususnya dasar kokurikulum. Pada asasnya, aktiviti kokurikulum adalah sebahagian daripada kurikulum sekolah kerana para pelajar diberi peluang untuk meningkatkan pengetahuan dan pengalaman serta mengukuhkan nilai-nilai murni dalam persekitaran yang lebih luas berbanding dengan sesi pembelajaran yang terhad di dalam bilik darjah. Setiap pelajar harus melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum, dan kegiatan lawatan pelajar tersenarai sebagai kegiatan kokurikulum kerana kegiatan ini lazimnya dilaksanakan di luar waktu sekolah. Secara amnya, jumlah murid yang terlibat dalam kegiatan lawatan sekolah adalah sangat besar walaupun hanya sebahagian lawatan yang boleh dikategorikan sebagai aktiviti pelancongan.

Namun sejak kebelakangan ini, terdapat peningkatan aktiviti lawatan sekolah yang berteraskan pelancongan berikutan kempen meluas oleh agensi penggalakan pelancongan, khususnya pelancongan domestik, yang dilaksanakan oleh kerajaan melalui Kementerian Pelancongan Malaysia. Peningkatan lawatan yang lebih ketara dikesan apabila Kementerian Pelancongan dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia menganjurkan program 3P (Program Pelancongan Pelajar).

Program Pelancongan Pelajar (3P)

Program Pelancongan Pelajar atau 3P telah dilancarkan pada 24 Februari 2001 oleh Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia bersama dengan Menteri Pendidikan Malaysia (Kementerian Pelancongan Malaysia, 2011). Program ini ditubuhkan dengan 3 matlamat utama, iaitu:

1. Mempromosikan aktiviti pelancongan domestik di samping memupuk budaya melancong dalam kalangan pelajar sekolah untuk melawat tempat-tempat bersejarah, kebudayaan, ekopelancongan dan lain-lain;
2. Menghindarkan pelajar sekolah daripada terjebak dalam gejala sosial menerusi pengisian masa lapang secara bijak dan berfaedah; dan

3. Mewujudkan perpaduan, meningkatkan integrasi kaum, mengeratkan hubungan dan interaksi dalam kalangan pelajar-pelajar berbilang kaum melalui aktiviti pelancongan dan pengembaraan yang terancang dan teratur.

Antara aktiviti yang dilancarkan di bawah program ini termasuk penubuhan kelab pelancongan di sekolah, seminar 3P, Kuiz Pelancongan Pelajar Peringkat Negeri dan Kebangsaan serta lawatan ke stesen pendidikan. Objektif utama penubuhan kelab pelancongan adalah untuk memupuk minat pelajar terhadap pelancongan di samping meningkatkan pengetahuan mereka berkenaan industri pelancongan serta destinasi-destinasi menarik dalam negara. Selain itu, kelab ini juga berperanan sebagai pusat penyaluran maklumat mengenai aktiviti 3P di peringkat Kementerian kepada para pelajar. Sejak program ini dilancarkan pada 20 Oktober 2004, sudah terdapat 1,344 kelab pelancongan ditubuhkan di sekolah-sekolah menengah di seluruh negara sehingga kini (Kementerian Pelancongan Malaysia, 2011).

Seminar 3P diadakan untuk memberi pendedahan kepada guru dan pelajar mengenai faedah aktiviti pelancongan dan rekreasi. Seminar ini juga bertujuan untuk menyemai budaya melancong sebagai pengisian masa lapang yang berfaedah selain menghindarkan golongan pelajar daripada terlibat dalam gejala negatif. Peserta-peserta seminar akan dibekalkan dengan maklumat terbaru berkenaan promosi serta pakej pelancongan istimewa daripada agensi pelancongan terpilih.

Sepertimana seminar, kuiz juga mampu untuk meningkatkan pengetahuan dan minat para pelajar terhadap industri pelancongan. Kuiz yang menawarkan pelbagai hadiah menarik telah diadakan di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan. Lawatan pelajar pula diatur ke stesen-stesen pendidikan dan dilaksanakan secara berfokus bagi mencapai agenda pendidikan. Lawatan dilakukan ke tempat tertentu yang dikenal pasti berupaya untuk meningkatkan pengetahuan murid-murid dalam bidang tertentu.

Namun demikian, sehingga ke hari ini, Program 3P masih didapati tidak mencapai hasrat sebenarnya. Menurut Kementerian Pelajaran, antara faktor yang menyumbang kepada kemalapan program ini adalah kerana terdapat banyak halangan di peringkat sekolah untuk melaksanakan program ini dengan lebih meluas. Pada asasnya, mana-mana perjalanan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar sekolah dianggap sebagai sebahagian daripada kokurikulum yang terkandung dalam Ordinan Pelajaran 1957. Ordinan ini, antara lainnya, mensyaratkan enam salinan borang dihantar 2-3 bulan sebelum tarikh perjalanan dilakukan. Selain itu, arahan Kementerian Pelajaran turut menetapkan 'stesen-stesen' pendidikan yang terhad yang boleh dilawati oleh pihak sekolah. Peraturan ini memberi kesan terhadap perkembangan destinasi-destinasi pelancongan negara ini. Namun

demikian, bagi menggalakkan Program 3P, keperluan Ordinan ini telah diubahsuai apabila sekolah-sekolah mula dibenarkan menganjurkan aktiviti lawatan di hari-hari persekolahan. Selain itu, program ini masih lagi terhad perlaksanaannya dan masih dianggap oleh sesetengah guru sebagai beban tambahan yang perlu mereka pikul.

Strategi Meningkatkan Kegiatan Pelancongan Pelajar Sekolah

Bagi melicinkan pengurusan penganjuran aktiviti lawatan pelajar sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengemukakan beberapa cadangan pindaan terhadap Ordinan Pelajaran 1957. Pindaan yang dicadangkan termasuk aspek tafsiran, syarat penganjuran, tempoh permohonan dan kuasa meluluskan aktiviti. Pindaan ini juga membenarkan murid-murid di bawah 12 tahun untuk menyertai aktiviti lawatan sekolah.

Kementerian Pelajaran Malaysia dalam usahanya untuk menggiatkan lagi aktiviti lawatan pelajar, turut menganjur pelbagai program usaha sama dengan negara-negara luar seperti Program Lawatan Pelajar-Pelajar Jepun ke Malaysia, Program Sekolah Berkembar yang melibatkan negara Australia, Belanda, Ireland, Singapura, Brunei dan Vietnam, Program *Homestay Australian Discovery*, Program *Homestay* Pelajar Muda ke Jepun, *ASEAN Student Exchange Program* dan ASEAN Jambori.

Selain itu, penggunaan kad diskaun dan kad debit merupakan inisiatif pelbagai pihak dalam memudahkan golongan pelajar untuk merancang perjalanan, membuat tempahan dan berjimat semasa melancong. Diskaun-diskaun yang ditawarkan meliputi perkhidmatan pengangkutan, penginapan, taman tema dan restoran. Kad diskaun Kereta Api Tanah Melayu Berhad (KTMB) misalnya, memberikan potongan 50 peratus kepada pelajar yang berusia 13 tahun ke atas untuk semua pembelian tiket perjalanan jarak jauh bagi tempat duduk kelas kedua dan ekonomi (Utusan Malaysia Online 2010). Syarikat penerbangan Malaysia Airlines turut menawarkan kad diskaun yang diberi nama Grads. Kad ini tidak terhad kepada potongan harga tiket kapal terbang domestik dan antarabangsa, malahan merangkumi diskaun penginapan di Hotel Seri Malaysia, servis bas ulang alik (shuttle bus) ke/dari lapangan terbang, tambahan berat bagasi (10 kg) secara percuma di samping kemudahan pertukaran wang asing di RHB Bank Berhad (Malaysia Airlines System 2011). Syarikat RapidKL Sdn. Bhd turut menawarkan diskaun sehingga 50% kepada pemegang 'Rapidpass Pelajar' di Lembah Klang untuk perkhidmatan bas RapidKL, transit aliran ringan (LRT) dan monorel tanpa had sepanjang 30 hari (Berita Harian Online 2010).

Memandangkan penggunaan kad diskaun telah mendapat perhatian golongan pelajar, maka beberapa bank komersil seperti CIMB Bank Berhad dan


Maybank Berhad telah merebut peluang ini untuk melancarkan kad debit bagi memudahkan urusan pembayaran. Kad debit tanpa yuran keahlian tahunan ini dilengkapi dengan logo MEPS yang juga berfungsi sebagai kad visa. Dengan adanya kemudahan ini, pengguna terutamanya pelajar tidak perlu membawa wang tunai yang banyak semasa membeli belah dan bebas untuk merancang perjalanan mereka dengan lebih baik. Hal ini akan menggalakkan lebih ramai pelajar untuk melancong pada masa hadapan di samping meningkatkan sektor pelancongan domestik.

METODOLOGI KAJIAN

Sampel Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan data kajian diperoleh melalui kerja lapangan. Sebanyak 77 buah sekolah yang terdiri daripada 6 kategori telah dipilih dalam kajian ini (Rajah 1). Setiap sekolah telah dibekalkan dengan 30 borang soal selidik yang dihantar menerusi khidmat pos. Dengan bantuan pengetua dan guru-guru, borang soal selidik tersebut telah diedarkan kepada para pelajar yang berusia antara 14 hingga 20 tahun dengan menggunakan teknik convenience sampling. Borang soal selidik yang lengkap diisi telah diposkan kembali oleh pihak sekolah kepada penyelidik. Sesi pengutipan data ini berlangsung selama 8 minggu.

Rajah 1: Lokasi pengedaran borang soal selidik



Pengutipan Data

Daripada 2310 borang soal selidik yang diedarkan, hanya 1,189 borang (51.5%) berjaya dikembalikan. Daripada jumlah tersebut, 1,157 borang (55.4%) didapati sah dan lengkap manakala selebihnya didapati rosak. Sesuatu borang itu dianggap rosak sekiranya responden gagal untuk menjawab kesemua soalan yang dikemukakan atau responden berumur di luar lingkungan sampel yang ditetapkan (14-20 tahun).

Responden kajian terdiri daripada 41.1% pelajar lelaki dan 58.9% pelajar perempuan. Majoriti responden (89.3%) terdiri daripada kaum Melayu, diikuti

oleh 7.6% responden Bumiputera, 2.6% responden Cina dan 0.5% responden India. Hal ini mungkin berpunca daripada kebanyakan sekolah yang dihantar borang soal selidik merupakan sekolah kebangsaan yang rata-rata pelajarannya adalah dari kumpulan etnik Melayu. Taburan pelajar yang berasal dari kawasan luar bandar (46.3%) dan bandar (53.7%) adalah setara dalam kaji selidik ini. Mereka ini adalah pelajar dari negeri Sarawak (16.0%), Pulau Pinang (12.0%), Selangor (10.8%), Kelantan (11.4%), Kedah (8.5%) dan Pahang (7.8%)

Analisis Data


Data-data kajian yang diterima akan dikodkan dan dibersihkan sebelum dimasukkan ke dalam pangkalan data program SPSS. Data-data dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif, penjadualan silang dan lain-lain bagi menghasilkan penemuan berkenaan profil demografi responden, karakter responden semasa melancong, pemilihan destinasi, gaya berbelanja di destinasi, sumber kewangan melancong, motivasi melancong dan halangan untuk melancong.

PENEMUAN KAJIAN

Minat Melancong dan Perancangan Perjalanan

Majoriti responden (97.5%) menyatakan bahawa mereka minat melancong. Manakala, baki 2.5% responden tidak suka melancong kerana faktor kekurangan wang, tidak suka dengan perjalanan jauh, lebih gemar duduk di rumah dan menganggap aktiviti melancong adalah membosankan. Dalam tempoh setahun, seramai 1.6% responden telah pergi melancong melebihi 10 kali (Rajah 2). Bilangan responden yang tidak melakukan perjalanan adalah 13.0%, manakala responden yang hanya melancong sebanyak sekali setahun adalah 10.5%. Daripada jumlah ini, 97.4% pelajar sekolah telah bercuti di dalam negara diikuti oleh 2.6% yang ke destinasi di luar negara. Taburan kunjungan responden mengikut destinasi telah dilawati di dalam negara adalah seperti Jadual 1.

Rajah 2: Bilangan Telah Melancong Dalam Malaysia Dalam Tempoh Setahun




Jadual 1: Destinasi Yang Telah Dilawati Responden

Negeri	Bilangan Responden	Peratus (%)
Kedah	286	14.6
Pahang	272	13.9
Kuala Lumpur	239	12.2
Perak	189	9.7
Melaka	156	8.0
Pulau Pinang	126	6.5
Sarawak	127	6.5
Terengganu	95	4.9
Negeri Sembilan	92	4.7
Johor	90	4.6
Kelantan	77	3.9
Sabah	65	3.3
Luar Negara	50	2.6
Selangor	56	2.9
Perlis	33	1.7
Jumlah	1953	100.0

Nota: Responden dibenarkan memberi lebih daripada satu jawapan

Majoriti responden (60.6%) lazimnya bercuti pada musim cuti sekolah (Rajah 3). Mereka melancong untuk tujuan riadah dan rekreasi (29.4%), mengikut keluarga (23.1%) melawat rakan dan saudara-mara (16.1%) dan membeli-belah (11.5%) (Jadual 2). Lebih separuh daripada responden (59.2%) menyatakan bahawa perjalanan mereka dirancang oleh ibu bapa, diikuti oleh ahli keluarga atau saudara-mara (29.2%) dan pihak sekolah (9.3%). Hanya 0.8% responden sahaja yang merancang perjalanan mereka sendiri. Bagi majoriti responden, teman seperjalanan mereka lazimnya terdiri daripada ahli keluarga (71.1%), rakan-rakan (17.7%), guru (11.0%) dan bersendirian (0.2%). Responden juga didapati berasa cenderung untuk melancong dalam kumpulan (Rajah 4), sama ada kumpulan kecil seramai 3 hingga 5 orang (35.7%) ataupun kumpulan bersaiz sederhana 6 hingga 10 orang (48.8%).


Rajah 3: Waktu Melancong



Jadual 2: Tujuan Melancong

Tujuan	Bilangan Responden	Peratus (%)
Percutian/rekreasi	891	29.4
Mengikut keluarga	698	23.1
Melawat kawan & saudara-mara	488	16.1
Membeli-belah	349	11.5
Pendidikan/kursus/bengkel/pameran	278	9.2
Sambutan perayaan/keagamaan	155	5.1
Kejohanan/acara sukan	111	3.7
Tonton konsert/acara kebudayaan	56	1.9
Jumlah	3026	100.0

Nota: Responden dibenarkan memilih lebih daripada satu jawapan

Rajah 4: Bilangan Teman Seperjalanan Responden

Kenderaan persendirian (44.1%) merupakan mod pengangkutan utama yang selalu digunakan oleh responden untuk pergi melancong. Ini diikuti oleh penggunaan pengangkutan awam seperti bas (26.4%), kapal terbang (12.1%), kereta api dan komuter (6.7%) serta kapal, feri dan bot (6.4%). Dari aspek tempat penginapan, hotel merupakan kemudahan penginapan utama bagi 30.8% responden semasa mereka pergi bercuti (Jadual 3). Namun, peratusan responden yang memilih untuk menumpang di rumah rakan dan saudara-mara juga agak tinggi (27.6%). Perkara ini dapat dikaitkan dengan peratusan responden yang melakukan lawatan untuk tujuan melawat rakan dan saudara-mara (Jadual 2). Selain itu, responden juga menginap di chalet (18.7%), rumah rehat (7.3%) dan berkhemah (7.2%).

Jadual 3: Penginapan Semasa Di Destinasi

Jenis Penginapan	Bilangan Responden	Peratus (%)
Hotel/Resort	663	30.8
Rumah rakan/saudara-mara	593	27.6
Chalet	403	18.7
Rumah rehat/banglo/apartmen	156	7.3
Perkhemahan	155	7.2
Asrama	137	6.4
Homestay	44	2.0
Jumlah	2151	100.0

Nota: Responden dibenarkan memilih lebih daripada satu jawapan


Perbelanjaan perjalanan bagi majoriti responden (72.8%) adalah ditanggung oleh ibu bapa dan keluarga. Hanya 18.6% daripada mereka menggunakan duit simpanan untuk membiayai percution mereka. Terdapat juga sebilangan kecil responden (2.2%) yang menggunakan lain-lain sumber kewangan, antaranya seperti mendapat tajaan pihak sekolah dan hadiah percution percuma dari pihak penganjur.

Motivasi Melancong

Rajah 5 menunjukkan bahawa 20.4% responden melancong untuk merehatkan minda. Manakala 19.4% responden lain, meletakkan faktor keinginan untuk menimba pengetahuan dan pengalaman baru sebagai motivasi kepada percution mereka di samping tarikan keindahan alam semula jadi di destinasi itu sendiri (16%). Kajian ini juga mendapati hanya 5.3% ibu bapa dan keluarga yang mendorong responden menjadikan aktiviti pelancongan sebagai riadah masa lapang.

Semasa di destinasi, aktiviti yang disertai oleh majoriti responden lebih cenderung kepada aktiviti pasif seperti bersiar-siar di bandar (18.2%) membeli-belah (17.1%) melawat tempat bersejarah (14.7%) dan berkunjung ke taman tema (11.2%) (Jadual 4). Namun demikian, terdapat sebilangan responden yang gemar akan aktiviti lasak dan mencabar di kawasan alam semula jadi seperti mendaki gunung (4.8%), berenang dan *snorkeling* (5.5%), memanjat bukit dan gua (4.2%) serta menyertai sukan air (2.5%). Hal ini dapat dikaitkan dengan tarikan keindahan alam semula jadi sebagai motivasi melancong seperti dalam Rajah 5. Responden yang mempunyai motivasi untuk menikmati keindahan alam semula jadi akan cenderung untuk melakukan aktiviti yang berkaitan di destinasi.

Rajah 5: Motivasi Untuk Melancong




Jadual 4: Aktiviti Yang Sering Dilakukan Semasa Melancong

Aktiviti	Bilangan Responden	Peratus (%)
Bersiar-siar di bandar	888	18.2
Membeli-belah	834	17.1
Melawat tempat bersejarah	717	14.7
Berkunjung ke taman tema (waterpark dsb)	548	11.2
Melawat muzium/galeri seni	500	10.2
Berenang/berjemur/snorkeling	268	5.5
Mendaki gunung/trekking dalam hutan	235	4.8
Memanjat bukit/gua (wall climbing dsb)	205	4.2
Bersukan (go-kart, papan luncur, tenis)	198	4.0
Menonton persembahan kebudayaan	137	2.8
Menonton konsert/teater/muzikal	125	2.6
Menyertai sukan air (kayak, berakit dsb)	120	2.5
Melawat kampung Orang Asli/luar bandar	114	2.3
Jumlah	4889	100.0

Halangan Melancong

Seperti ditunjukkan di Rajah 6, masa/cuti yang terhad (28.3%) dan faktor kewangan (28.2%) merupakan dua halangan utama yang dihadapi oleh responden untuk melancong dengan lebih kerap pada masa hadapan. Di samping itu faktor cuaca yang buruk seperti tengkujuh dan jerebu (11.6%), masalah pengangkutan (10.0%) dan halangan ibu bapa (8.6%) turut mengehadikan perjalanan pelancong pelajar.

Rajah 6: Halangan Responden Untuk Melancong

Pengalaman dan Pilihan Melancong

Penubuhan kelab pelancongan di sekolah juga diharap dapat memupuk budaya melancong dalam kalangan pelajar. Daripada keseluruhan responden, hanya 20.3% pelajar telah menyertai kelab pelancongan di sekolah mereka manakala, 21.7% mengatakan tidak berminat dan 58.0% responden tidak mempunyai kelab tersebut di sekolah.

Kajian ini juga menunjukkan bahawa 21.5% responden mempunyai pengalaman melancong ke luar negara. Bilangan mereka yang telah pergi sebanyak 2 hingga 5 kali sama dengan bilangan mereka yang pernah melancong sekali ke luar negara, iaitu 9.9% (Jadual 5). Hal ini secara tidak langsung turut mendorong 46.9% responden untuk memilih destinasi luar negara sebagai pilihan destinasi yang ingin dilawati pada masa hadapan (Jadual 6). Namun demikian, majoriti responden (53.1%) masih tetap ingin melancong dalam negara pada masa hadapan. Antara negeri yang menjadi destinasi pilihan utama responden adalah seperti Sabah (23.9%), Pahang (22.8%), Kedah (18.7%), Sarawak (10.5%) dan Terengganu (9.1%). Kelima-lima negeri ini dikenal pasti mempunyai produk pelancongan berunsur alam semula jadi, budaya dan sejarah yang menarik dan berjaya. Berdasarkan kepada destinasi pilihan responden, dapat diandaikan bahawa kebanyakan pelancong pelajar cenderung untuk melancong ke destinasi yang berada lebih jauh dari lingkungan tempat tinggal mereka pada masa hadapan.

Jadual 5: Bilangan Telah Pergi Melancong Ke Luar Negara

Bilangan Ke Luar Negara	Bilangan Responden	Peratus (%)
1 kali	115	9.9
2 – 5 kali	115	9.9
6 – 9 kali	8	0.7
> 10 kali	11	1.0
Tidak Pernah	908	78.5
Jumlah	1157	100.0

Jadual 6: Destinasi Yang Telah/Ingin Dilawati Responden

Destinasi asal responden	Kedah	Kuala Lumpur	Pahang	Pulau Pinang	Perak	Melaka	Perlis	Sabah	Sarawak	Kelantan	Luar Negara
Johor	✓	✓	✓ 								
Melaka	✓ 	✓	✓ 								
Negeri Sembilan	✓		✓		✓						
Kuala Lumpur	✓		✓ 			✓					
Selangor	✓		✓		✓						
Perak	✓		✓ 		✓						
Pahang		✓	✓ 			✓					
Terengganu	✓ 	✓			✓	✓					
Kelantan	✓ 	✓		✓							
P. Pinang	✓	✓									
Kedah	✓	✓	✓ 	✓							
Perlis		✓	✓ 	✓	✓ 		✓				
Sarawak		✓						✓ 	✓		
Sabah		✓						✓			

Nota: ✓ –Destinasi yang telah/ingin dilawati responden


 –Destinasi yang telah/ingin dilawati responden

Tren dan Corak Perjalanan Pelancong Pelajar di Malaysia


Analisis penjadualan silang telah mengenal pasti pelbagai corak perjalanan antara tempat tinggal responden dan destinasi yang telah dilawati. Perbezaan ketara dapat dilihat antara beberapa negeri di Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak (Rajah 7 dan 8). Antara faktor yang mungkin menyumbang kepada senario ini adalah faktor geografi, jarak perjalanan dan kemudahsampaian. Negeri Sarawak menjadi destinasi tumpuan utama responden dari Semenanjung Malaysia untuk melancong diikuti dengan negeri Sabah (Rajah 7). Manakala, Kuala Lumpur pula menjadi destinasi pilihan bagi majoriti responden dari negeri Sabah dan Sarawak (Rajah 8). Lain-lain negeri yang telah dilawati oleh responden termasuklah Kedah, Pahang, Melaka, Perak, dan Pulau Pinang. Tren perjalanan ini jelas menunjukkan bahawa pelancong pelajar cenderung untuk melawat destinasi-

destinasi pelancongan yang popular seperti Pulau Langkawi, Cameron Highland, Genting Highland, Kota A Famosa, Pulau Pangkor dan George Town. Selain itu, faktor kemudahsampaian, sistem pengangkutan yang selesa dan infrastruktur yang mencukupi merupakan antara alasan responden memilih untuk melancong ke destinasi tersebut.

Rajah 7: Destinasi Yang Telah Dilawati oleh Responden dari Semenanjung Malaysia ke Sabah dan Sarawak



Rajah 8: Destinasi yang telah Dilawati Responden dari Sabah dan Sarawak ke Semenanjung Malaysia



IMPLIKASI KAJIAN

Pelancongan pelajar adalah satu segmen pelancongan yang sangat signifikan kerana hampir lima juta penduduk negara ini terdiri dari golongan pelajar sekolah rendah dan menengah. Pada usia muda, golongan ini perlu mendapat pengetahuan dan pendedahan yang secukupnya mengenai industri pelancongan dan saluran terbaik ialah melalui pendidikan di sekolah. Berdasarkan penemuan kajian, pelbagai strategi perlu dirangka untuk membangunkan lagi segmen pelancongan pelajar di Malaysia seperti dinyatakan di bawah:

Memperkenalkan Pengajian Pelancongan sebagai sebahagian dari silibus sekolah

Cadangan di atas adalah sesuai kerana hasil kajian mendapati bahawa aktiviti berteraskan pelancongan mampu menjana pengetahuan dan pengalaman baru di samping meningkatkan motivasi pelajar. Jika dilihat secara holistik, pengetahuan dan kesedaran yang tinggi terhadap pelancongan dalam negara mampu meningkatkan semangat kecintaan pelajar-pelajar terhadap tanah air sendiri. Pengajian Pelancongan boleh dimasukkan sebagai salah satu dari subjek pilihan di peringkat sekolah rendah, sepertimana bahasa Arab dan Cina, supaya pelajar diberi pendedahan yang luas mengenai industri pelancongan secara keseluruhan, khazanah dan tarikan pelancongan dalam negara, budaya dan warisan serta kesedaran tentang persekitaran dan alam semula jadi.

Menggalakkan penubuhan Kelab Pelancongan di sekolah menengah dan kolej/universiti

Kelab Pelancongan wajar ditubuhkan di semua sekolah menengah dan juga institusi pengajian tinggi, sebagai salah satu aktiviti kokurikulum supaya kesedaran tentang pelancongan dapat diteruskan dari peringkat menengah ke peringkat tertier. Penemuan kajian yang menyatakan bahawa hampir dua pertiga dari sekolah menengah tidak mempunyai kelab pelancongan, purata 1 dari 5 pelajar tidak berminat untuk menyertainya dan tiada sambutan dari guru-guru untuk menjalankan aktiviti pelancongan, perlu mendapat perhatian serius dari pihak sekolah dan kerajaan.

Menyediakan peruntukan khas atau geran untuk aktiviti pelancongan di sekolah

Peruntukan khas ini sangat diperlukan oleh sekolah-sekolah luar bandar dan pelajar miskin kerana mereka tidak mempunyai sumber yang mencukupi untuk menjalankan aktiviti pelancongan. Pihak kerajaan boleh mewujudkan satu dana khas bagi tujuan ini dan menggesa pihak swasta untuk turut menyumbang. Pada waktu yang sama, koperasi sekolah akan dibantu supaya lebih berdaya maju supaya pihak sekolah boleh menjana pendapatan sendiri.

Menganjurkan lawatan suai kenal (Familiarization Tour) kepada guru

Pihak Kementerian Pelancongan disarankan agar dapat menawarkan program lawatan suai kenal ataupun familiarization tour kepada guru-guru yang bertanggungjawab terhadap aktiviti pelancongan dari masa ke semasa. Program ini amat penting untuk memberi maklumat kepada guru-guru tersebut bagi membantu mereka merangka rancangan lawatan sekolah. Program ini seharusnya dianjurkan dan disokong oleh Pejabat Kementerian Pelancongan Negeri.

Meningkatkan tahap keselamatan pelajar semasa melancong


Pelepasan untuk melancong perlu pengesahan pengetua atau guru besar sekolah setelah aspek-aspek keselamatan dipenuhi seperti mewajibkan perlindungan insurans perjalanan bagi setiap pelajar, sebagaimana dipraktikkan di negara-negara Barat, dan memastikan tahap keselamatan kenderaan adalah baik.

Meneliti dan mengkaji semula Ordinan Pelajaran 1957

Ordinan Pelajaran 1957 yang mewajibkan pihak sekolah supaya menghantar enam salinan borang permohonan melancong enam minggu sebelum tarikh melancong perlu dikaji semula kerana ianya bukan saja merumitkan tetapi juga diteliti sama ada ia masih relevan dalam konteks keadaan sosiopolitik masa kini. Selain itu, penetapan 'stesen-stesen pendidikan' oleh Jabatan Pendidikan perlu selari dengan hasrat kerajaan untuk merangsang pertumbuhan destinasi-destinasi pelancongan tempatan terutamanya di kawasan luar bandar. Lawatan pelajar-pelajar sekolah yang tertumpu kepada stesen-stesen pendidikan yang terhad telah mengakibatkan pelajar-pelajar sekolah tidak berminat dan tidak digalakkan untuk melancong ke kawasan-kawasan di luar stesen pendidikan yang lazimnya terletak di kawasan terpinggir dan luar bandar.

Menggalakkan 'Jom Riadah dan Melancong' di Bulan Lawatan Pelajar

Saranan ini yang memperuntukkan bulan tertentu misalnya bulan April (Rajah 9) sebagai masa yang sangat sesuai untuk pihak sekolah menganjurkan aktiviti melancong dalam tempoh sesi persekolahan. Ini memandangkan masa adalah penghalang utama untuk melancong dan dua pertiga dari aktiviti pelancongan pelajar hanya dapat dijalankan ketika musim cuti sekolah. Langkah ini bukan sahaja dapat merancakkan lagi sektor pelancongan, tetapi akan dapat membantu pengusaha-pengusaha hotel, operator pelancongan dan pihak berwajib bersedia menyambut kedatangan musim ini. Musim-musim ini, yang telah pun diperkenalkan di Jepun dan Amerika Syarikat, telah berjaya membantu perancangan perjalanan pelajar secara dengan lebih tersusun.

Rajah 9: Cadangan Menganjurkan 'Bulan Lawatan Pelajar'

Cadangan 'Bulan Lawatan Pelajar' (April)	Ketibaan tertinggi pelancong Jepun (September)
Cuti persekolahan (pertengahan penggal & akhir tahun)	Ketibaan tertinggi pelancong China (November-Disember)
Ketibaan tertinggi pelancong Australia (Januari)	Ketibaan tertinggi pelancong ASEAN (November-Disember)
Ketibaan tertinggi pelancong Britain (Mac)	★ ₁ Cuti umum Tahun Baru (1 Januari)
Ketibaan tertinggi pelancong India (Mei-Jun)	★ ₂ Cuti umum Hari Buruh (1 Mei)
Ketibaan tertinggi pelancong Asia Barat (Julai-September)	★ ₃ Cuti umum Hari Kebangsaan (31 Ogos)
Ketibaan tertinggi pelancong Taiwan (Julai-Ogos)	★ ₄ Cuti umum Krismas (25 Disember)

Sumber: Kementerian Pelancongan Malaysia (2011), <http://www.motour.gov.my>

KESIMPULAN

Golongan pelajar wajar diberi pendedahan yang secukupnya mengenai industri pelancongan kerana golongan ini merupakan penyumbang utama kepada sektor pelancongan domestik pada masa hadapan. Walaupun kajian ini memfokuskan kepada pelajar-pelajar di sekolah menengah yang berusia antara 14 hingga 20 tahun, namun hasil kajian yang didapati telah memberi implikasi yang sangat besar bukan sahaja terhadap industri pelancongan tetapi juga kepada industri pendidikan.

Pada dasarnya, golongan pelajar masih muda, tidak mempunyai sumber kewangan yang tetap dan masih bergantung kepada ibu bapa dalam merancang perjalanan. Namun, segmen ini sangat berpotensi untuk dibangunkan di negara

ini lebih-lebih lagi apabila kajian ini telah cuba memahami profil, keperluan dan kehendak pelancong-pelancong pelajar itu sendiri. Maklumat-maklumat yang terhasil melalui kajian dapat membantu pihak-pihak yang terlibat di dalam perancangan dan pembangunan sektor pelancongan negara, khususnya Kementerian Pelancongan dan Kementerian Pendidikan, untuk merangka prasarana dan produk yang dapat memenuhi keperluan golongan ini.

Pelaksanaan Kelab Pelancongan dan program 3P di sekolah-sekolah mempunyai banyak kelemahan. Dasar-dasar berkaitan kegiatan pelajar-pelajar di sekolah khususnya Ordinan Pelajaran 1957 wajar diteliti dan dikaji semula. Jika semua keperluan ini diambil kira, negara kita dalam jangka masa panjang akan dapat melahirkan satu generasi yang mempunyai budaya melancong yang sangat tinggi apatah lagi apabila mereka melihat bidang pelancongan dalam skop yang sangat luas iaitu sesuatu yang mampu memberi pendidikan, pengetahuan, pengalaman, inspirasi serta motivasi.

Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai beberapa batasan yang perlu diperbaiki. Kajian susulan pada masa hadapan perlu mengambil kira untuk memasukkan sekolah swasta sebagai sampel kajian dan menetapkan kuota mengikut bangsa bagi pemilihan responden supaya borang soal selidik dapat diedarkan secara menyeluruh. Hal ini akan dapat mempengaruhi keutuhan dan kesahihan data yang diperoleh dalam mencerminkan pendapat dan persepsi keseluruhan golongan pelajar di negara ini terhadap budaya melancong.

RUJUKAN

- Ankomah, P. K. and R. T. Larson. 2004. *Education tourism: a strategy to strategy to sustainable tourism development in Sub-Saharan Africa*. <http://unpan1.un.org/intradoc/groups/public/documents/idep/unpan002585.pdf> (accessed July 3, 2011).
- Aramberri, R. 1991. The Nature of Youth Tourism: Concepts, Definitions and Evolution. In *International Conference on Youth Tourism*. India: World Tourism Organization.
- Berita Harian Online. 2010. RapidKL beri potongan tambang 50 peratus kepada pelajar. *Berita Harian*. April 18. [http://www.bharian.com.my/articles/RapidKLberipotongantambang50peratuskepadapelajar/Article/\(capaian](http://www.bharian.com.my/articles/RapidKLberipotongantambang50peratuskepadapelajar/Article/(capaian%20Julai%2013,%202011)) Julai 13, 2011).
- Carr, N. 1997. *The holiday behaviour of young tourists: A comparative study*. Ph.D. diss., University of Exeter.

- Carr, N. 2000. An exploratory study of gendered differences in young tourists perception of danger within London. *Tourism Management* 22:565-570.
- Kementerian Pelancongan Malaysia. 2011. *Program Pelancongan Pelajar*. http://www.motour.gov.my/bm/program-kementerian/program_pelancongan/pelancongan-pelajar.html (capaian Jun 24, 2011).
- Malaysia Airlines System. 2011. GRADS - *the frequent flyer card for students*. <http://www.malaysiaairlines.com/my/en/enrich/grads/about-grads.html> (accessed June 24, 2011).
- Mat Som, A. P. and A. Furqan. 2010. Nurturing experiential learning in co-curriculum activities: case study of tourism clubs in secondary schools. *International Journal of Academic Research* 2(4): 367-372. <http://www.ijar.lit.az/pdf/6/2010%284-47%29.pdf> (accessed June 10, 2010).
- Mohamed, B. 2000. *Pelancong Jepun – Kerenah dan kehendak*. Tokyo: Ewa Inc.
- Mohamed, B., S. I. Omar and P. M. Lau. 2010. Malaysian youth tourism market: a lucrative but overlooked tourist segment. *Malaysian Journal of Youth Studies* 3:1-21.
- Richards, G. and J. Wilson. 2003. *New horizons in independent youth and student travel - A report for the International Student Travel Confederation (ISTC) and the Association of Tourism and Leisure Education (ATLAS)*. Amsterdam: International Student Travel Confederation (ISTC). http://www.wysetc.org/Docs/ISTC_ATLAS_Full%20Report.pdf (accessed August 20, 2008).
- Student and Youth Travel Association. 2004. *Student travelers want an education, not a vacation, says survey by the student and youth travel association*. www.syta.org/uploads/PR-Press/122004SYTACulturalDiversityFinal.pdf (accessed August 8, 2005).
- Sullivan, A. 2004. Defining trends in youth travel in Australia. In *The World Youth and Student Travel Conference 2004*. Madrid: World Youth and Student Travel Conference http://www.wystc.org/Docs/2004/Presentations/Tourism_Australia_Presentation.pdf accessed September 2, 2005).

Tourism Research Circle. 2006. *Kajian pembangunan pelancong pelajar di Malaysia: potensi dan halangan*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Utusan Malaysia Online. 2010. Pelajar kini boleh dapatkan kad diskaun 50% KTMB. *Utusan Malaysia*, January 5. http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0105&pub=UtusanMalaysia&sec=Terkini&pg=bt_08.htm (capaian Ogos 17, 2011).

Penghargaan

Barisan penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Sains Malaysia atas tajaan Geran Universiti Penyelidikan bertajuk "*Tourism Carrying Capacity*" (Nombor akaun 1001/PTS/8660011) yang membolehkan kajian dan artikel ini dijayakan.

Profil Penulis

Shida Irwana Omar
Pegawai Penyelidik
Kluster Penyelidikan Pelancongan Lestari
Universiti Sains Malaysia,
trci@usm.my / irwanizar@yahoo.com

Nurbaidura Salim
Penolong Pegawai Penyelidik
Kluster Penyelidikan Pelancongan Lestari
Universiti Sains Malaysia,
baidura88@gmail.com

Badaruddin Mohamed, PhD
Profesor
Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan
Universiti Sains Malaysia
bada@usm.my / drbada@gmail.com